

15/11/1999

Tiada perbalahan besar: Abu Hassan

SHAH ALAM, Ahad - Keadaan politik di Selangor stabil dan tiada perbalahan besar yang boleh mengancam keamanan rakyat, kata Menteri Besar, Datuk Seri Dr Abu Hassan Omar, semalam.

Abu Hassan berkata, beliau yakin Barisan Nasional (BN) yang dipimpin Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan terus diberi mandat untuk membentuk kerajaan baru di peringkat negara dan negeri.

"Rakyat pada keseluruhannya sedar hanya melalui BN kesejahteraan, kebahagiaan, maruah dan martabat bangsa, agama dan negera terus dibela," katanya berucap merafak sembah kepada Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah, di sini semalam.

Baginda dan Tuanku Siti Aishah diraikan di majlis makan malam sempena pertabalan mereka sebagai Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong ke-11 malam tadi.

Abu Hassan berkata, kesan pemulihan ekonomi negara turut dinikmati Selangor dengan kedudukan Keluaran Dalam Negara Kasar negeri tahun ini dijangka berkembang positif 5.2 peratus selepas mengalami pertumbuhan negatif tujuh peratus tahun lalu.

Katanya, pelaburan di Selangor meningkat dengan jumlah pelaburan sehingga Mei lalu mencapai RM3.531 bilion berbanding RM1.176 bilion dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Menurutnya, kesan pemulihan ekonomi itu jelas dalam pengambilan pekerja.

Pemberhentian kerja dan pelaburan yang ketara meningkat apabila pada 1998, 6,801 dilantik ke jawatan baru dan tahun ini meningkat kepada 6,915, pertambahan 114 orang.

Jika pemberhentian kerja pada 1998 seramai 8,925 tetapi tahun ini menurun kepada 5,122 berkurangan 3,803 dan kerajaan negeri terus merancang menambah peluang pekerjaan menjelang tahun 2000.

Selain itu katanya, 52 acara dirancang tahun depan. Empat daripadanya acara perdana manakala 12 lagi acara utama dan 36 acara sokongan.

Abu Hassan turut melafazkan taat setia beliau, kerajaan negeri dan rakyat Selangor ke atas segala perintah baginda dalam mengemudi negara.

(END)